

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN WILSON UGAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 16 JUN 2015
SOALAN :

YB Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat rancangan oleh pihak Kementerian untuk membina sebuah **klirik desa di Long Busang** dan juga di **Long Urun** yang terletak di daerah **Belaga** bagi menampung jumlah pesakit yang kian bertambah di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua,

Long Busang dengan jumlah penduduk seramai 1200 orang terletak di dalam Daerah Belaga, Kapit. Pada masa ini keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk setempat dibekalkan oleh Klinik Kesihatan Sarawak Hydro yang terletak di dalam kawasan Hydro Bakun dan Klinik Kesihatan Kapit. Namun begitu perjalanan ke klinik berkenaan masing-masing mengambil masa selama 5-6 jam dengan menggunakan perahu panjang dan selama 7-8 jam menggunakan jalan darat.

Menyedari tentang hal ini, untuk meningkatkan akses penduduk kepada perkhidmatan kesihatan, Kerajaan telah meluluskan permohonan pembinaan Klinik Kesihatan Long Busang untuk dilaksanakan pada tahun **2015** dengan kos peruntukan sebanyak RM3 juta. Pada masa ini projek ini sedang dalam peringkat awal perancangan rekabentuk.

Klinik Kesihatan Long Busang yang baru adalah KK jenis 6 beserta kuarters yang akan dibina di tapak seluas 1.215 hektar. Kementerian ini berharap pembinaan Klinik Kesihatan Long Busang yang baru ini nanti dapat meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.

Bagi kawasan **Long Urun** pula yang terletak di dalam daerah Belaga mempunyai jumlah penduduk seramai 1893 orang. Pada masa ini keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk setempat dibekalkan oleh Klinik Kesihatan Uma Sambop (sejauh kira-kira 90 Km) dan Klinik Kesihatan Sungai Asap (sejauh 130 Km daripada Long Urun).

KKM mengambil maklum akan keperluan penduduk terhadap sebuah klinik kesihatan di Long Urun. Dengan mengambilkira keupayaan kewangan kerajaan, cadangan pembinaan klinik kesihatan di Long Urun akan dilaksanakan secara berperingkat dan seterusnya dipohon semula dalam RMK 11 Rolling Plan 2 yang akan datang.